

RENCANA PENGARANG

# Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

RABU, 7 SEPTEMBER, 1983

## Adakah Pas mahu taraf hidup rakyat diabaikan?

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

NAIB Presiden Pas, Tuan Haji Abdul Hadi Awang, secara terbuka mengakui bahawa segala projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional tidak terkeluar daripada prinsip dan hukum-hukum Islam. Tetapi, tambahnya, Kerajaan menjalankan dasar 'jibayah' yang meletakkan kepentingan kebendaan sebagai dasarnya. Sebaliknya, Tuan Haji Abdul Hadi Awang mahu Kerajaan menjalankan dasar 'hidayah' yang berlandaskan petunjuk-petunjuk Allah dan melaksanakan hukum-hukum Allah dalam mentadbirkan negara. Tuan Haji Abdul Hadi Awang berkata demikian dalam satu majlis ceramah di markas Pas kawasan Kemumin kelmarin.

Dengan lain perkataan, Pas tidaklah membantah wujudnya Bank Islam, Universiti Islam, pembangunan masjid dan surau di negeri ini, dan segala projek yang dijalankan oleh Kerajaan selama ini demi kepentingan rakyat. Namun begitu, projek-projek pembangunan Kerajaan ini, menurut Tuan Haji Abdul Hadi Awang, "meletakkan kepentingan kebendaan sebagai dasarnya."

Hakikat bahawa projek-projek pembangunan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan sejak merdeka tahun 1957 dimaksudkan untuk mempertingkatkan hidup rakyat, menambah pendapatan penduduk luar bandar, agar jurang yang memisahkan taraf hidup rakyat kampung dapat dirapatkan dengan taraf hidup penduduk bandar, memang jelas. Kalau sekiranya penduduk luar bandar dulu hanya berpendapatan \$60 sebulan maka pendapatannya selepas menikmati projek-projek pembangunan kini meningkat \$300 sebulan, maka hal itu memang disengajakan oleh Kerajaan sebagai satu dasar pembangunannya.

Kalau dengan menyediakan projek-projek yang memberi kemudahan kepada kehidupan rakyat seperti perbekalan air, elektrik, jalan raya, sekolah, surau, klinik, pusat bidan dan sebagainya maka kerajaan telah menekankan aspek "kebendaan" dalam dasar pembangunannya maka dasar itu adalah sesuai malah menepati sekali dengan kehendak rakyat luar bandar.

Adakah Pas menghendaki Kerajaan

mengabaikan kesejahteraan hidup rakyat semata-mata kerana dalam memberikan kesejahteraan itu maka kerajaan telah "meletakkan kepentingan kebendaan sebagai dasarnya?"

Islam tidak menganjurkan kita supaya mengekalkan hidup rakyat untuk terus menderita, untuk terus miskin. Mempertingkatkan taraf hidup rakyat agar mereka menikmati segala kemudahan yang memang menjadi haknya bererti memberikan harga diri dan maruah kepadanya sebagai manusia yang hidup dalam sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Sebaliknya, adakah Kerajaan mengabaikan pendidikan kerohanian untuk rakyat? Berjuta-juta ringgit mengalir dari pusat dan kerajaan negeri untuk mendirikan masjid dan surau, sekolah-sekolah agama dan pusat-pusat pengajian agama selama ini; adakah ini menunjukkan Kerajaan telah mengabaikan pendidikan kerohanian untuk rakyat?

Yang anehnya, walaupun Pas menghendaki Kerajaan mendalami dasar "hidayah"

yang berlandaskan petunjuk-petunjuk Allah dan melaksanakan hukum-hukum Allah dalam mentadbirkan negara, pemimpin-pemimpin Pas jelas tidak dapat menerima dasar Kerajaan sekarang hendak menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran.

Pas mahu "hukum-hukum Islam dilaksanakan dalam negara" seperti yang diutarakan oleh Tuan Haji Awang. Pas pernah berkuasa di Kelantan dan di Terengganu tetapi jangan hukum-hukum Islam dilaksanakan dalam masa pemerintahan Pas dahulu malahan nilai-nilai Islam pun tidak mampu diterapkan oleh Pas dalam masa pemerintahan mereka.

Bagaimanapun Pas berkesempatan sekarang untuk menghuraikan gagasan mereka, iaitu satu sistem politik dan ekonomi yang merangkumi seluruh pentadbiran negara dan kehidupan rakyat majmuk negara ini, dasar 'hidayah' seperti yang disebut oleh Tuan Haji Hadi Awang itu. Hanya hingga hari ini kita masih menunggu gagasan itu. Apa yang terdengar di Selising dan di Kemumin setakat ini ialah isu kafir mengkafir sahaja.